

PERGAM GUNUNG
Mountain Imperial Pigeon

FAMILI: Columbidae
NAMA SAINTIFIK: *Ducula badia*

CIRI-CIRI

Spesies ini merupakan spesies pergam terbesar. Individu jantan dewasa sub-spesies *D.b.griseicapilla* boleh dibezakan dengan spesies lain melalui bahagian bahu dan bulu pahat sayap berwarna merah hati keunguan, bahagian muka dan atas kepala kelabu kebiruan, tekak putih, leher dan bahagian bawah badan kelabu, bulu pahat ekor kuning pucat hingga putih dan ekor gelap dengan jalur melintang lebar berwarna kelabu yang jelas kelihatan. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa ialah 43.0-51.0 sm.

MAKANAN

Secara umumnya, dietnya terdiri daripada buah-buahan.

HABITAT

Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di hutan dipterokarp, sehingga ke ketinggian 2,565 m dari aras laut (biasanya di kawasan pergunungan).

BUNYI

Spesies ini mengeluarkan bunyi *uh* yang kuat dan dalam, *WROO-WROO* atau *uhOOH-WROO-WROO* atau hanya *uOOH-WROO*. Bunyi ini diulang-ulang dan diselang dengan diam yang panjang.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah sepanjang tahun. Bagi populasi di bahagian utara, musim pembiakannya adalah antara bulan Mac hingga Ogos. Individu betina boleh menghasilkan 1-2 biji telur berwarna putih berkilat. Sarangnya berbentuk seperti platform, dibina pada pokok, lima hingga lapan meter dari tanah.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.